



25 Jun 2013
25 June 2013
P.U. (B) 269

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH
BAGI MAKSUD AWAM

*NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF
LAND FOR PUBLIC PURPOSE*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 418/2011* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 8 Ogos 2011, pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang diwakilkan kepadanya, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam iaitu, suatu tapak untuk kawasan lapang dan telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang diwakilkan kepadanya, memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu seperti yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, 3 dan 4,

Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur pada pukul 10.00 pagi pada 1 Julai 2013.

JADUAL

Daerah – Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur *Bandar* – Kuala Lumpur *Seksyen* - 79
No. Pelan – PA 124570 *No. Lot* – 167 *Luas* – 1,424 meter persegi.

Bertarikh 14 Jun 2013

[PTG/WP: 11/1/13; KWP(S): 24/PUU/698/1/4/3; PN(PU2)213/LXI]

DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR

Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Tanah

Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC
PURPOSE

WHEREAS, by *P.U. (B) 418/2011* published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 8 August 2011, in exercise of the powers conferred under subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*] as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], conferred upon the Government of the Federation and delegated to it, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur has reserved the land described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for open area and has designated that the Secretary General of the Ministry of Federal Territory shall have control of the reserved land:

AND WHEREAS, by *P.U. (B) 108/2003* published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 3 March 2003, the Government of the Federation has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that a part of the aforesaid reservation be revoked:

NOW THEREFORE, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Government of the Federation and delegated to it, gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke a part of the aforesaid reservation as described in the Schedule and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Land Administrator of the Federal Territory of Kuala Lumpur at an enquiry to be held at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, 2nd, 3rd and 4th Floor, Federal House, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur at 10.00 a.m on 1 July 2013.

SCHEDULE

District – Federal Territory of Kuala Lumpur *Town* - Kuala Lumpur *Section* - 79

Plan No. – PA 124570 *Lot No.* – 167 *Area* – 1,424 square metres.

Dated 14 June 2013

[PTG/WP: 11/1/13; KWP(S): 24/PUU/698/1/4/3; PN(PU2)213/LXI]

DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR

Chairman

Land Executive Committee

Federal Territory of

Kuala Lumpur